

Pendahuluan

Nenas gandum adalah sejenis nenas untuk dikaleng. Nenas ini boleh ditanam di atas berbagai jenis tanah yang mempunyai lapisan tanah yang dalam dan saluran yang baik. Di kawasan yang selalu berendam atau bertakung air didapati tidak begitu sesuai. Tanah gambut yang disediakan sistem saluran yang sempurna dan input pertanian yang optimum membolehkan tanaman ini hidup dengan baik dan mengeluarkan hasil yang tinggi.

Dalam usaha meningkatkan pendapatan penanam sawit di tanah gambut, menanam nenas gandum ketika sawit muda (baru tanam) adalah salah satu pilihan terbaik. Satu pusingan tanaman ini boleh dibuat di dalam kawasan sawit muda. Pada kelazimannya, nenas gandum mengambil masa lebih kurang 15 - 16 bulan untuk matang dan dituai. Dari pemerhatian yang dibuat, penanaman nenas mengikut amalan agronomi yang disyorkan boleh memberi pulangan yang lumayan, di samping meningkatkan kesuburan dan pengeluaran sawit.

Risalah ini akan membincangkan kaedah menanam nenas gandum di tanah gambut ketika umur sawit muda dan jangkaan pendapatan yang boleh diperolehi.

Penyediaan Kawasan

Pembersihan dan penyediaan kawasan adalah mengikut kehendak dan sistem penanaman sawit. Ini termasuk pemusnahan semua pokok dan anak kayu (sama ada secara mekanikal atau manual) dan pembinaan parit pengumpul serta parit ladang. Walau bagaimanapun, pastikan kawasan tanaman bebas dari batang kayu dan semak samun.

Penyediaan Bahan Tanaman

Nenas gandum biasanya ditanam dengan menggunakan sulur tanah dan sulur udara. Bahan



Tanaman selingan nenas hidup subur bersama kelapa sawit.

tanaman perlu diambil dari pokok induk yang subur dan mempunyai saiz yang seragam.

Lazimnya, pokok nenas gandum mengeluarkan 10 - 25 sulur udara dan sulur tanah sepokok. Sulur yang dikutip digredkan dan dikumpulkan mengikut saiz iaitu kecil, sedang dan besar. Untuk mendapatkan keseragaman tumbesaran pokok, satu-satu plot ditanam dengan satu gred.

Sulur boleh ditanam terus selepas diambil atau boleh disimpan tidak lebih dari empat minggu. Semasa penyimpanan, sulur disusun dengan pangkalnya di atas (terbalik) dan di tempat yang redup.



Sulur nenas yang sesuai ditanam.



Sistem Tanaman

Nenas ditanam dalam dua baris kembar. Jarak di antara baris di dalam dua baris kembar ialah 0.6m (2 kaki). Jarak di antara dua baris kembar pula ialah 0.9m (3 kaki). Jarak tanaman di antara pokok ialah 0.3m (1 kaki). Manakala jarak di antara pokok sawit dengan baris nenas pula ialah 1.2m (4 kaki)


Di antara dua baris sawit, boleh ditanam empat baris kembar dua atau lapan baris nenas. Di lorong pembinaan parit ladang, cuma dua baris kembar nenas boleh diusahakan. Di antara pokok sawit, boleh ditambah 14 pokok nenas dengan satu dua baris kembar pendek.

Keseluruhan sistem tanaman ini adalah seperti yang ditunjukkan di *Rajah 1* dan *Rajah 2*.


Di kawasan yang memerlukan pembinaan parit ladang, cuma dua baris kembar (4 baris nenas) boleh ditanam. Pengalaman di Parit Jerman, Pontian, lebih kurang 36 300 pokok nenas boleh ditanam di dalam satu hektar sawit.

Menanam

Biasanya rawatan bahan tanaman tidak diperlukan kecuali jika terdapat serangga. Menanam adalah



Rajah 1. Sistem Tanaman Nenas Di Kawasan Sawit Muda.



Rajah 2. Jarak tanaman nenas di kebun sawit.

secara menyalur lubang tanaman sedalam 10 - 15cm (4 - 6 inci). Tali digunakan untuk mendapatkan baris yang lurus. Satu sulur ditanam dalam satu lubang. Tanah keliling sulur perlulah ditekan (biasanya dengan kaki) supaya sulur berdiri tegak.

Sebaik-baiknya penanaman dibuat di musim hujan untuk mempercepatkan pertumbuhan pokok.

Membaja

Program pembajaan adalah seperti berikut :

1 bulan : Semburan Daun

Zink Sulfat	-	2kg
Ferum Sulfat	-	1kg
Kuprum Sulfat	-	2kg (Terusi)
Kapur terhidrat	-	25kg (Kapur)

- Baja tersebut dibancuh dengan air sebanyak 120 liter untuk 12 000 pokok. Elakkan semburan di waktu panas terik, sebaiknya sebelah pagi.

3 bulan : Baja NPK (30:1:32 + TB)
- Ditabur di antara baris pokok dengan kadar 14g/pokok.

6 bulan : Semburan Daun
- Baja yang sama seperti bulan pertama dan ditambah 24kg Urea + 120 liter air.

9 bulan : Baja NPK (30:1:32 + TE)
- Ditabur di antara baris pokok dengan kadar 14g/pokok.

JADUAL 1. ANGGARAN KOS PENGELUARAN DAN PENDAPATAN SEHEKTAR TANAMAN SELINGAN NENAS GANDUL BERSAMA SAWIT.

Butir-Butir	Kuantiti/Harga (RM)	Kos (RM)
Kos Bahan		
1. Sultur (termasuk 10% sulaman)	39 930 btg @ 0.028/btg	1 118.04
2. Baja		
Campuran 30:1:32:TE	1017kg @ 19.30/50kg	392.56
Urea	73kg @ 34.00/50kg	49.64
Zink sulfat	12kg @ 3.00/kg	36.00
Ferum sulfat	6kg @ 2.00/kg	12.00
Kuprum sulfat	12kg @ 3.60/kg	43.20
Kapur terhidrat	150kg @ 20.00/50kg	60.00
3. Racun rumpai - Ametryn	7.5kg @ 32.00/kg	240.00
4. Hormon pembungaan Ethrel	2 lit @ 29.50/0.5 lit	118.00
5. Hormon pembesar buah Fruitone	2.3 lit @ 25.65/0.25 lit	235.98
Jumlah kos bahan		2 305.42
1. Menanam*	Kontrak @ 0.02/btg	789.60
2. Merumpai	7.5 t.h @ 15.00/t.h**	112.50
3. Membaja (campuran)	5.0 t.h @ 15.00/t.h	75.00
4. Membaja (semburan)	5.0 t.h @ 15.00/t.h	75.00
5. Menyembur hormon pembungaan	7.5 t.h @ 15.00/t.h	112.50
6. Menyembur hormon pembesar buah	7.5 t.h @ 15.00/t.h	112.50
7. Memetik buah dan pengangkutan	Kontrak (50) @ 30.00/tan	1 500.00
8. Memungut sultur	Kontrak (87,120) @ 0.014/btg	1 219.68
Jumlah kos tenaga		3 996.78
Jumlah kos pengeluaran		6 302.20
Pendapatan		
1. Pendapatan kasar		
hasil buah nenas	50tan @ 147.00/tan	7 350.00
hasil sultur	87 120 @ 0.028/sultur	2 439.36
Jumlah		9 789.36
Kos pengeluaran		6 302.20
2. Pendapatan bersih		3 487.16

* Termasuk kos membaris dan melubang.

** t.h : tenaga hari.

Catitan : kos penyediaan kawasan termasuk di dalam kos penanaman sawit.

Sumber : Petak Demonstrasi PORIM/PPK Pontian dan MARDI (setelah diubahsuai).

Pengawalan Rumpai

Merumpai boleh dibuat secara manual atau menggunakan racun rumpai yang sesuai. Biasanya kerja merumpai bermula tiga bulan selepas ditanam. Penggunaan racun seperti Gesspax boleh dibuat tiga pusingan semusim.

Hormon Pembungaan dan Pembesaran Buah

Untuk menggalakkan pengeluaran bunga dan membolehkan buah masak serentak, setiap pokok nenas disemur di pucuk pokok dengan hormon ketika berumur 10 bulan. Salah satu hormon yang sering digunakan ialah Etephon (lebih terkenal sebagai Ethrel).

Sukatan yang digunakan ialah :

- 10ml Ethrel + 180g Urea + 16 lit air.
- 30ml bancuhan/pokok.

Sebaik-baiknya semburan dibuat di waktu pagi atau petang untuk meningkatkan keberkesanannya.

Ketika pokok berumur lebih kurang 13 bulan, pokok disemur dengan hormon pembesar buah (Fruitone) untuk mendapatkan saiz buah yang besar. Kadar semburan ialah :

- 18 - 20ml Fruitone + 16 lit air.
- 50ml bancuhan/pokok.

Mengutip Hasil

Nenas gandum mula dituai ketika umur mencapai 15 - 16 bulan. Untuk pulangan yang ekonomik, tanaman nenas hanya dijalankan satu pusingan sahaja. Melalui pemerhatian yang telah dijalankan, pengeluaran hasil nenas jenis yang diintegrasikan dengan sawit ialah sekitar 50 000kg/hektar. Dengan harga RM 147.00/tan, pendapatan kasar ialah RM 7350.00/hektar. Untuk menambah pendapatan ini, sulur yang baik dikutip dan dijual sebagai bahan tanaman. Dengan penjualan buah dan sulur, sehektar tanah gambut boleh memberi pulangan kasar sebanyak RM 9789.36. Setelah



Buah nenas yang sedia untuk dipasarkan.

ditolak kos pengeluaran, pendapatan bersih yang boleh dicapai ialah RM 3469.86 (Jadual 1).

Penutup

Integrasi nenas gandum di kawasan gambut semasa sawit muda memberi pendapatan yang memuaskan jika diusahakan dengan sempurna. Sisa daripada tanaman nenas (daun dan batang) yang reput di ladang dan sisa baja dari pembajaan nenas akan meningkatkan kesuburan tanah yang mana boleh meningkatkan kesuburan tanaman sawit dan seterusnya pengeluaran hasil. Walau bagaimanapun, untuk tidak menjejaskan antara satu sama lain, kedua-dua jenis tanaman ini (nenas dan sawit) perlulah diurus dan dijaga dengan sempurna dengan mengamalkan amalan agronomi yang terbaik.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

Unit Pembangunan Pekebun Kecil
dan Pemindahan Teknologi,
Bahagian Biologi, MPOB,
Peti Surat 10620, 50720 Kuala Lumpur.
Tel: 03-89259155, 89259775
Faks: 03-89259446
Email: tayeb@mpob.gov.my

Talian Sawit: 03-89251122